

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN PERTAMA CHIEF INFORMATION**  
**OFFICERS (CIO) SEKTOR AWAM**  
**DI HOTEL RENAISSANCE, KUALA LUMPUR**  
**5 OKTOBER 2000**

-----

Syukur Alhamdulillah kerana kita dapat bersama- sama di majlis pada pagi ini dan terima kasih kepada MAMPU kerana menjemput saya untuk memberi ucapan dan seterusnya merasmikan persidangan pertama Chief Information Officers (CIO) sektor awam. Saya juga sukacita melihat kehadiran Y.B. menteri-menteri, Y.A.B Menteri-menteri Besar dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Ini menunjukkan keperihatinan pemimpin- pemimpin dan ketua-ketua jabatan terhadap persidangan ini dan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau ICT.

2. Sebagaimana kita semua maklum, kerajaan telah menerajui pembangunan ICT sejak tiga dekad yang lalu. Berjuta-juta ringgit telah dilaburkan untuk mempertingkatkan penggunaannya dalam sektor awam, bermula dengan penggunaan komputer yang pertama di Lembaga Letrik Negara dalam tahun 1965. Pada mulanya penggunaan komputer adalah untuk mengautomasikan kerja- kerja manual. Kini penggunaannya lebih meluas merangkumi pelbagai bidang pengurusan.

3. Perkembangan paling jelas ialah pembangunan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC). Kita berbangga dengan wawasan serta usaha Y.A.B Perdana Menteri memperkenalkan MSC sebagai satu langkah strategik untuk melonjakkan Malaysia supaya berupaya menghadapi saingan yang semakin sengit akibat ledakan ICT dan cabaran globalisasi. MSC diyakini dapat menyediakan asas yang kukuh bagi meletakkan negara kita sebagai peneraju ICT di rantau ini. Penggerak utama ialah Majlis I.T negara atau NITC dan MSC Implementation Council. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi merealisasikan MSC. Antaranya ialah penggubalan Agenda I.T Kebangsaan atau NITA; pelaksanaan lima bidang teras iaitu e-learning, e- community, e-public service, e-sovereignty dan e- economy serta tujuh aplikasi perdana iaitu kerajaan elektronik, sekolah bestari, telekesihatan, kad pintar pelbagaiguna, kelompok Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan Pengilangan Sedunia dan pemasaran tanpa sempadan. Sesuai dengan sifat dinamik dunia ICT kini, pelbagai pembaharuan terus dipelopori di bawah agenda MSC. Langkah terakhir ialah pembangunan e-village yang telah dilancarkan baru-baru ini. Projek e-village bukanlah semata-mata bertujuan memaparkan aspek-aspek hiburan. Sebaliknya e-village menyediakan lapangan atau arena yang lengkap dengan teknologi dan peralatan multimedia yang canggih untuk membolehkan penterjemahan idea dan ilham kepada hasil dan karya yang kreatif serta mempunyai nilai komersil yang tinggi untuk pasaran dunia.

4. Usaha-usaha di bawah MSC telah disusuli dengan gigih dan sebahagian daripadanya sedang rancak dilaksanakan. Walaupun hasilnya masih belum dicapai secara menyeluruh, kemajuan yang dicapai adalah meyakinkan. Misalnya dalam pelaksanaan kerajaan elektronik, saya dimaklumkan sebahagian projek perintis ini telah bermula dan di peringkat pengujian. Roll-out ke seluruh negara bagi projek Sistem Pemantauan Projek atau PMS dijangka akan bermula pada Januari 2001.

5. Selain projek PMS ini, beberapa projek lain seperti Sistem Persekitaran Pejabat Generik atau GOE, Sistem Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia, Sistem Perolehan Elektronik dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan secara Elektronik yang merangkumi pelbagai bidang pengurusan sedang giat dilaksanakan. Walaupun projek-projek ini secara perintis bermula di peringkat pusat, pelaksanaan selanjutnya akan dikembangkan ke semua peringkat di negeri dan daerah selaras dengan usaha memastikan pembangunan ICT yang seimbang di seluruh negara dan mengurangkan apa yang disifatkan sebagai masalah digital divide

6. Apabila beroperasi sepenuhnya, sistem-sistem ini diharap dapat mempertingkatkan kecekapan proses-proses pengurusan dalaman serta hubungan yang lebih berkesan antara agensi-agensi kerajaan. Hasilnya, perkhidmatan yang disediakan kepada rakyat biasa dan masyarakat perniagaan akan lebih berkualiti. Cara penyampaiannya lebih cepat, mudah dan telus, serta melalui pelbagai saluran. Dengan itu kebanyakan masalah yang menjadi rungutan orang ramai masa kini dapat kita kurangkan. Saya percaya banyak lagi faedah yang boleh kita perolehi daripada pelbagai program lain seperti sekolah bestari, tele-kesihatan dan kad pintar pelbagai-guna.

6. Kita sedar bahawa ICT mempunyai impak yang besar ke atas cara kita mentadbir negara, menguruskan organisasi dan menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, malah ke atas kehidupan harian. Dengan itu kita perlu benar-benar teliti dalam membuat persediaan dan perancangan supaya mendapat sepenuh manfaat daripadanya dan pada masa yang sama mengelak sebarang kesan negatif yang dibawanya. Kita juga harus ingat bahawa sementara berbangga dengan kemajuan yang telah dicapai sehingga kini, kita juga perlu peka terhadap beberapa isu dan cabaran dalam pelaksanaan program-program yang berteraskan ICT. Di kesempatan ini saya ingin menyentuh dua isu utama iaitu keselamatan dan penyelarasan.

7. Isu keselamatan ICT semakin hari semakin menjadi kritikal. Jika dahulu, semasa kita menggunakan kerangka utama, komputer hanya boleh diakses oleh segelintir golongan sahaja. Bilik komputer dapat dihadkan kepada mereka yang berkenaan atau yang diberi kebenaran sahaja. Dengan itu, keselamatan sistem komputer adalah terjamin kerana peranan dan tanggungjawab setiap pengguna dapat dikawal dan ditentukan.

8. Hari ini, dengan adanya internet, dunia terbuka luas seolah-olah tiada sempadan yang memisahkan sesebuah negara; yang jauh menjadi lebih dekat; urusan yang dahulu memakan masa berbulan dapat dilakukan dalam beberapa saat, dan ianya boleh dilakukan melalui pelbagai saluran secara maya. Setiap orang bebas untuk mendapat dan menyebarkan maklumat. Keterbukaan ini mendedahkan maklumat kepada pelbagai ancaman. Kecanggihan teknologi misalnya, membolehkan mesej yang disalurkan melalui internet diintip, dipintas, dipinda atau diolah semula. Yang lebih membimbangkan ialah apabila ada kecenderungan untuk menyamar dan menyalahgunakan internet untuk tujuan tertentu. Semakin canggih teknologinya, semakin mahir pula penceroboh profesional yang sentiasa mencari peluang untuk membuktikan kebijaksanaan mereka memecah masuk sistem atau rangkaian. Keadaan ini jika tidak dibendung, akan mengakibatkan kerugian yang besar. Lihat sahaja misalnya, kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Pentagon dan beberapa syarikat besar di Amerika Syarikat akibat virus "love bug" yang "dilepaskan" berjuta batu jauhnya.

9. Saya faham bahawa bukan mudah untuk mengatasi sepenuhnya masalah ini. Banyak kekangan yang membatasinya, terutama dari segi kemahiran dan kepakaran tenaga kerja. Namun kita perlu memulakan sesuatu, dan memulakannya segera. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada perkhidmatan awam kerana telah memulakan usaha ke arah ini dengan mewujudkan satu bahagian khas di MAMPU yang bertanggungjawab ke atas keselamatan ICT di sektor awam. Saya difahamkan bahawa salah satu daripada tindakan awal yang telah diambil oleh bahagian ini adalah menjalankan ujian penembusan ke atas beberapa server kerajaan. Hasilnya jelas menunjukkan iaitu kebanyakan dari server-server tersebut tidak dilindungi dan amat mudah diceroboh. Saya suka untuk mengandaikan bahawa kejadian yang sedemikian rupa hanya sekadar mencerminkan kekurangan kepakaran atau mekanisma pertahanan yang belum matang dalam melindungi atau memperkukuh pertahanan di instalasi sektor awam; dan bukan terbit dari kecuaiannya pegawai. Selain itu, tindakan juga sedang dijalankan untuk mengeluarkan dasar keselamatan ICT sektor awam dan standard keselamatan ICT. Saya berharap dengan adanya panduan ini, lebih ramai yang akan peka kepada isu keselamatan dan pada masa yang sama usaha memperluaskan kesedaran ini, terutama kepada semua peringkat anggota perkhidmatan awam perlu digiatkan dari sekarang.

10. Sebentar tadi saya sebutkan bahawa projek-projek di bawah aplikasi kerajaan elektronik akhirnya akan dikembangkan ke seluruh negara. Ini bermakna bahawa kerajaan negeri tidak akan ketinggalan dalam perkara ini. Saya faham banyak negeri telah mengambil pelbagai inisiatif dalam membangunkan infrastruktur dan sistem aplikasinya sendiri. Setengahnya pula menunjukkan kemajuan yang membanggakan dalam pembangunan ICT keseluruhannya. Saya difahamkan, telah wujud infrastruktur rangkaian telekomunikasi di peringkat negeri seperti Penang-Net, Sarawak-Net dan Prasarana Maklumat Johor. Dari segi sistem aplikasi pula, saya dimaklumkan bahawa pada masa ini terdapat beberapa jenis sistem yang mempunyai fungsi yang sama telah dibangunkan sendiri oleh negeri masing-masing. Di peringkat pihak berkuasa tempatan juga, telah mula muncul beberapa projek ICT seperti Bandaraya Maya Ipoh dan program SJ2005 di Majlis Perbandaran Subang Jaya bertujuan untuk mengujudkan masyarakat pintar (smart community) di Malaysia.

11. Inisiatif yang ditunjukkan oleh kerajaan-kerajaan negeri ini amat dialu-alukan. Cuma apa yang membimbangkan saya ialah dalam keghairahan kita membangunkan prasarana dan pelbagai sistem yang memakan belanja jutaan ringgit ini, kita mungkin terlupa soal penyelarasan dan integrasi sistem serta infrastruktur di pelbagai peringkat pentadbiran kerajaan. Akibatnya berlaku pertindihan usaha pembangunan sistem di pelbagai agensi kerajaan, sama ada di peringkat negeri, kerajaan tempatan atau di peringkat persekutuan. Ini paling ketara pada sistem- sistem generik seperti Sistem Perakaunan dan Kewangan pihak berkuasa tempatan, Sistem Pengurusan Fail, Sistem Pengurusan Stor dan Aset, Sistem Perumahan Kos Rendah dan sebagainya. Perkembangan seperti ini, sekiranya tidak diselaraskan, bukan sahaja akan mengakibatkan berlakunya pembaziran yang berterusan tetapi juga akan menyukarkan usaha menghubungkan agensi-agensi kerajaan melalui infrastruktur ICT di bawah pelaksanaan kerajaan elektronik seperti pembangunan EG NET yang telah diusahakan oleh kerajaan pusat. EG NET menyediakan rangkaian yang selamat dan terpelihara (secured network) untuk kegunaan agensi- agensi kerajaan.

12 Saya sukacita mendapat tahu bahawa usaha ke arah mewujudkan penyelarasan ini telahpun dimulakan di bawah Program Perkongsian Pintar. Di bawah program ini, agensi kerajaan di semua peringkat digalakkan untuk berkongsi pengalaman dalam bidang pembangunan ICT dan menggunakan sistem aplikasi yang telah dibangunkan oleh agensi lain yang telah terbukti berjaya dan sesuai. Untuk memudahkan perkongsian ini, kerajaan telah melaksanakan satu Sistem Repositori Aplikasi Perkongsian Pintar atau RAPP di mana agensi kerajaan boleh mendapat maklumat mengenai pelbagai sistem aplikasi yang telah dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan, melalui internet untuk dikongsi antara agensi kerajaan.

13. Untuk memudahkan perkongsian sistem aplikasi dan pertukaran maklumat di kalangan agensi kerajaan, tindakan telah diambil dalam membangunkan Government- Wide Data Dictionary yang menetapkan format dan definisi data yang standard. Bagi mencapai perancangan yang teliti dan penyelarasan yang rapi, kerajaan telah melaksanakan program Penyediaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat atau I.T Strategic Plan (ISP) oleh semua agensi kerajaan.

14. Saya percaya, semakin pesat pembangunan ICT, semakin banyak pula isu yang perlu ditangani, selain daripada dua isu utama yang saya sebutkan. Persoalannya ialah siapakah yang akan bertanggungjawab mengenalpasti, meneliti dan menangani isu-isu ini supaya perancangan dan pelaksanaan semua program ICT dapat digerakkan dengan licin dan berkesan. Di peringkat pusat, majlis I.T negara atau NITC bertindak sebagai agensi induk bagi pelaksanaan dan pemantauan agenda ICT negara manakala MAMPU bertanggungjawab ke atas pembangunan ICT di sektor awam. Tetapi timbul persoalan tentang apakah yang telah dilakukan oleh pelbagai kementerian serta jabatan dan agensi di semua peringkat. Walaupun kebanyakan agensi yang besar mempunyai Pegawai Sistem Maklumat, tanggungjawab mereka lebih tertumpu kepada pembangunan dan operasi sistem serta soal-soal teknikal yang berkaitan dengan ICT. Ingin ditegaskan bahawa pembangunan ICT di sesebuah organisasi merangkumi skop yang lebih luas termasuk perancangan, penyelarasan, pemantauan dan penyediaan belanjawan yang

secukupnya. Ini bermakna kita memerlukan pegawai di peringkat pengurusan yang lebih kanan, sekurang-kurangnya Timbalan Ketua Jabatan atau Pegawai Atasan Kanan untuk memikul tanggungjawab yang besar ini dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Jabatan. Itulah sebabnya kerajaan bersetuju dengan cadangan supaya dilantik di kalangan pegawai-pegawai kanan ini untuk menjadi Ketua Pegawai Maklumat atau CIO. Dan pada pagi ini kita berpeluang berjumpa dan berinteraksi dengan mereka dengan harapan selepas persidangan ini mereka akan lebih jelas tentang tugas dan tanggungjawab mereka sebagai CIO.

15. Saya tidak bercadang untuk memberi taklimat mengenai apakah yang patut tuan-tuan dan puan-puan buat, hanya sekadar berkongsi pandangan saya tentang peranan asas CIO. Pada saya, peranan utama CIO ialah sebagai penasihat dan pembantu kepada ketua organisasi bagi menentukan pembangunan ICT di uruskan dengan cekap dan berkesan. Beliau juga bertanggungjawab menyediakan pelan strategik dan tektikal bagi pembangunan ICT di organisasinya untuk kelulusan pengurusan atasan. Jika boleh saya rumuskan, CIO adalah seorang pemimpin dan strategis; kaunselor, pelaksana, penyelarar, penghubung dan peneraju perubahan dalam memanfaatkan ICT sebagai pemboleh-daya atau enabler kepada usaha-usaha transformasi di organisasinya.

16. Sebagai strategis, adalah menjadi tanggungjawab CIO menyediakan perancangan ICT di organisasinya. Untuk itu, CIO perlulah dari masa ke semasa memahami dan mengikuti trend dan kemajuan ICT secara global. Pengetahuan ini amat berguna bagi membantu CIO mengenalpasti prestasi dan kecanggihan ICT dalam penyediaan perancangan tersebut.

17. Sebagai pelaksana dan penyelarar, CIO perlu memainkan peranan dalam meningkatkan hubungan dalaman dan antara agensi. Hubungan ini adalah penting supaya sebarang usaha pembangunan sistem aplikasi akan lebih terselarar. Ini dapat mengelakkan sebarang pertindihan dan pada masa yang sama menentukan faedah daripada penggunaan sistem aplikasi dapat dimanfaatkan bersama.

18. CIO juga merupakan peneraju perubahan yang dapat menggembeng visi dan misi organisasi; berupaya mendapatkan sokongan semua peringkat anggota organisasi dan berjaya menerap budaya kerja baru dalam setiap bidang pembaharuan yang bakal dilaksanakan. Sebagai penghubung atau communicator pula, CIO bertanggungjawab melaporkan semua kegiatan, aktiviti dan program ICT kepada pihak pengurusan atasan. Pelaporan ini perlu dibuat dengan bijaksana supaya sebarang isu atau masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan sempurna. Dalam hal ini suka saya menyatakan bahawa langkah untuk mengadakan CIO tidak sekali-kali bertujuan CIO mengambil alih peranan dan fungsi Pegawai Eksekutif atau CEO sesebuah agensi kerajaan. Sebenarnya kombinasi peranan dan fungsi CEO dan CIO adalah serasi dan akan menjadi nadi kepada usaha pembangunan dan perkembangan ICT di setiap agensi kerajaan khususnya dan sektor awam umumnya.

19. Selain daripada memainkan peranan yang saya sebutkan di atas, CIO juga perlu mempunyai kemahiran dan kebolehan tersendiri dalam mempromosikan kegunaan ICT yang berkesan untuk mencapai matlamat organisasi. Beliau juga perlu bijaksana dalam menjalin rangkaian hubungan yang luas dengan semua pihak bagi mengukuhkan hubungan kerjasama terutama sekali dalam menangani isu- isu berkaitan dengan pengurusan perubahan atau change management dan perekaayaan proses atau process reengineering.

20. Saya berharap gambaran mengenai peranan CIO yang saya huraikan tadi tidak memberi gambaran bahawa beban kerja tuan-tuan dan puan-puan telah bertambah berlipat kali ganda. Sebenarnya apa yang tuan-tuan dan puan-puan lakukan sekarang sebagai pegawai kanan di agensi masing-masing, mungkin merangkumi kesemua peranan tersebut. Matlamatnya juga adalah sama, iaitu untuk membawa kecemerlangan kepada organisasi supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada kerajaan dan rakyat. Cuma fokusnya beralih kepada bagaimana kecanggihan ICT dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai matlamat perancangan yang tersusun. Saya percaya persidangan ini berupaya mencetuskan idea dan

cadangan yang bernas dan jitu dalam meneliti bagaimana CIO dapat memainkan peranan yang sebaik-baiknya dalam merancang dan melaksanakan program ICT di sektor awam. Saya juga yakin bahawa interaksi yang terjalin dapat memantapkan lagi kefahaman dan keperihatinan peserta terhadap isu dan cabaran yang kita sedang dan akan hadapi dalam usaha menjadikan pembangunan ICT sebagai satu bidang strategik dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara masa hadapan.

21. Dengan harapan itu dan dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan `Persidangan Pertama CIO Sektor Awam' Tahun 2000. Selamat bersidang dan Selamat Maju Jaya.

Terima Kasih.